

31 OCT 2003

CHINA HANTAR PERUTUSAN TAHNIAH KEPADA ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 31 Okt (Bernama) -- Kerajaan Republik Rakyat China hari ini menghantar perutusan tahniah dan ucap selamat kepada Perdana Menteri yang baru Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menterinya Wen Jiabao berkata sebagai negara jiran yang mesra, China ingin menyuarakan kekaguman dan berkeyakinan bahawa Malaysia semestinya akan mencapai lebih banyak kejayaan di bawah kepimpinan Abdullah.

Dalam satu kenyataan hari ini, beliau berkata kedua-dua negara menjalin ikatan persahabatan yang mendalam dan berkongsi kepentingan bersama secara meluas.

"Hubungan dua hala kini berada pada masa yang paling baik dalam sejarah dan lawatan Datuk Seri Abdullah ke China baru-baru ini merupakan petanda baik dalam perkembangan hubungan dua hala memandangkan ianya mewarisi masa dahulu dan membawa ke masa hadapan," katanya.

Beliau berkata dengan pelantikan Abdullah sebagai Perdana Menteri kelima, China bersedia bersama-sama Malaysia untuk membuka prospek yang baru dan lebih cerah ke arah hubungan dua hala.

"Semoga Malaysia menikmati kemakmuran serta kesejahteraan rakyatnya dan Datuk Seri Abdullah berada dalam keadaan sihat serta mencapai kejayaan," katanya.

Jiabao juga berkata di bawah kepimpinan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dan usaha-usaha bersepadu oleh rakyat Malaysia, Malaysia telah membuka laluan baru dalam modenisasi bersesuaian dengan keadaannya sendiri dan oleh itu menetapkan contoh yang berjaya bagi negara-negara membangun.

-- BERNAMA
NER AHH ROS